



**JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA  
UNTUK SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 2/2022**

**Pembukaan semula aktiviti ekonomi mendorong kepada prestasi yang memberangsangkan pada suku keempat 2021 dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar kembali meningkat kepada 3.6 peratus sekali gus mendorong pemulihan pada 2022**

**PUTRAJAYA, 25 FEBRUARI 2022** – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) Siri 2/2022**. Penerbitan ini bermatlamat untuk menghebahkan kepada orang awam mengenai senario ekonomi terkini berdasarkan statistik makroekonomi rasmi yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Laporan ini memfokuskan kepada statistik terkini bagi Disember 2021 dan beberapa statistik akan datang bulan Januari 2022 serta sorotan mengenai senario ekonomi Malaysia pada suku keempat 2021 dan prestasi tahunan bagi 2021. Selain itu, edisi ini juga dimuatkan dengan artikel khas bertajuk “Penggunaan Elektrik di Era COVID-19” yang membincangkan trend dan perubahan dalam penggunaan elektrik sebelum dan semasa pandemik COVID-19.

Mengulas mengenai situasi sosioekonomi pada tahun 2021 di sebalik usaha menangani penularan COVID-19, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Setelah pelbagai langkah kawalan penularan sepanjang tempoh separuh tahun pertama 2021, Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang dilaksanakan sejak Julai dijadikan sebagai strategi bagi Malaysia dalam membuka semula aktiviti ekonomi dan sosial secara sistematik dan progresif. Oleh itu, pemulihan berterusan dilihat selaras dengan peralihan lebih banyak negeri kepada fasa PPN yang berikutnya dengan pelonggaran prosedur operasi standard serta kebenaran pengoperasian semula lebih banyak perniagaan. Sehingga Disember 2021, hanya dua buah negeri kekal berada dalam fasa ketiga PPN manakala negeri-negeri lain telah beralih ke fasa keempat.

Selari dengan perkembangan positif ini, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) telah kembali meningkat kepada 3.6 peratus pada suku keempat 2021 selepas menyusut 4.5 peratus pada suku sebelumnya, memberi isyarat momentum yang lebih baik dalam pemulihan ekonomi negara. Hampir kesemua sektor penawaran menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dan semua komponen permintaan akhir kecuali bagi

Pembentukan modal tetap kasar telah melepas paras pra-pandemik tahun 2019. Lanjutan itu, ekonomi Malaysia berkembang 3.1 peratus pada tahun 2021 selepas merosot 5.6 peratus pada 2020. Prestasi tahunan itu disokong oleh pertumbuhan kukuh dalam sektor Pembuatan yang mana telah melepas paras pra-pandemik.”

Dari sudut sektor luaran, beliau berkata, “Imbangan Akaun Semasa (CAB) Malaysia terus mencatatkan lebih RM15.2 bilion berbanding RM11.6 bilion pada suku tahun sebelumnya didorong oleh eksport bersih barang yang tinggi dan defisit yang lebih rendah dalam Pendapatan sekunder. Akaun barangan mencatatkan peningkatan paling tinggi sehingga kini dalam eksport bersih pada RM51.8 bilion, melepas paras tertinggi sebanyak RM50.9 bilion pada suku tahun ketiga 2008. Pelaburan bertambah baik dengan Pelaburan Langsung Asing (FDI) di Malaysia mengekalkan aliran masuk bersih yang lebih tinggi sebanyak RM24.7 bilion manakala Pelaburan Langsung Asing di Luar Negeri (DIA) oleh pelabur Malaysia berubah arah aliran untuk mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM15.0 bilion berbanding aliran masuk bersih RM4.7 bilion pada suku ketiga 2021. Prestasi tersebut menunjukkan momentum positif dalam pemulihan ekonomi negara disokong oleh pembukaan semula lebih banyak aktiviti sosial dan ekonomi serta pemberian dos penggalak di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan selaras dengan pelaksanaan PPN. Perdagangan barang juga mengekalkan trajektori positif pada suku keempat 2021 dengan jumlah perdagangan meningkat 29.2 peratus kepada RM624.7 bilion berbanding RM483.4 bilion pada suku yang sama 2020. Pada masa yang sama, kedua-dua eksport dan import melonjak pada suku ini, dengan eksport meningkat sebanyak 29.0 peratus kepada RM350.5 bilion manakala import berkembang 29.6 peratus kepada RM274.3 bilion. Imbangan dagangan mencatatkan lebih RM76.2 bilion, meningkat 26.9 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya.”

Melihat kepada prestasi sektoral, Indeks Pengeluaran Perindustrian memulih kepada 6.9 peratus tahun ke tahun pada suku keempat 2021 berbanding negatif 1.1 peratus yang dicatatkan pada suku tahun sebelumnya. Pertumbuhan tersebut disumbangkan oleh peningkatan dalam indeks Pembuatan (9.2%) dan Elektrik (4.3%). Selari dengan itu, nilai jualan pembuatan juga meningkat 16.5 peratus dalam tempoh yang sama kepada RM427.0 bilion. Sektor perkhidmatan menunjukkan prestasi yang lebih baik pada suku keempat 2021 dengan hasil meningkat sebanyak 5.3 peratus kepada RM460.0 bilion didorong oleh segmen perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan yang meningkat 5.1 peratus. Tambahan pula, Indeks Volum Perkhidmatan juga mencatatkan peningkatan sebanyak 3.0 peratus selepas kejatuhan ketara 7.5 peratus pada suku tahun sebelumnya. Dari segi harga, Indeks Harga Pengguna merekodkan kenaikan sebanyak 3.2 peratus pada suku keempat 2021 manakala Indeks Harga Pengeluar pengeluaran tempatan kekal dalam aliran menaik dengan mencatatkan peningkatan dua angka sebanyak 11.9 peratus.

Mengulas mengenai senario buruh, Ketua Perangkawan berkata, “Pasaran buruh kembali dengan momentum ke arah pemulihan pada suku keempat 2021 dengan

bilangan penduduk bekerja meningkat 1.8 peratus tahun ke tahun kepada 15.44 juta orang manakala kadar pengangguran menurun 0.5 mata peratus untuk merekodkan kadar suku tahunan terendah pada 4.3 peratus sejak bermulanya pandemik. Dari perspektif permintaan buruh, jumlah jawatan dalam sektor ekonomi mencatatkan peningkatan buat kali pertama selepas merosot selama enam suku tahun berturut-turut, dengan merekodkan sebanyak 8.531 juta jawatan pada suku keempat 2021.”

Mengakhiri kenyataannya, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Pemulihan ekonomi negara didorong oleh pengembangan permintaan global, pemulihan dalam pasaran buruh, perkembangan program vaksinasi COVID-19 dan disokong oleh dasar yang berterusan. Seiring dengan itu, Malaysia kini sedang bersiap sedia bagi pembukaan semula sempadan antarabangsa sepenuhnya pada Mac 2022 yang akan memulihkan kembali aktiviti berkaitan pelancongan. Selain itu, Indeks Pelopor (IP) meningkat kepada 2.1 peratus pada Disember 2021 daripada 1.6 peratus pada November 2021 manakala paras indeks terus melepassi 100.0 mata dengan merekodkan 111.5 mata. Hal ini, secara keseluruhannya memberi isyarat prospek ekonomi yang lebih baik pada bulan-bulan akan datang. Justeru itu, tumpuan kerajaan akan terarah kepada dua teras utama dalam menyokong momentum pertumbuhan ekonomi, iaitu mewujudkan peluang pekerjaan dan membantu usahawan untuk terus berkembang. Mengambil kira semua faktor ini, Malaysia optimis bahawa ekonomi akan kekal dalam landasan pemulihan pada tahun 2022.”

Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022. Jabatan ini amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada pegawai DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
25 FEBRUARI 2022**



**PRIME MINISTER'S DEPARTMENT  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT  
FOR MALAYSIAN ECONOMIC STATISTICS REVIEW VOL. 2/2022**

***Revival of economic activities spurred favourable performance in the fourth quarter of 2021 with Gross Domestic Product rebounded to 3.6 per cent and set the path for recovery in 2022***

**PUTRAJAYA, 25<sup>th</sup> FEBRUARY 2022** – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **Malaysian Economic Statistics Review (MESR) Vol. 2/2022**. This publication aims to keep the public informed on the most current economic scenario based on the official macroeconomic statistics by the Department of Statistics Malaysia (DOSM). This release focuses on the recent statistics for December 2021 and some forthcoming statistics for January 2022 as well as highlights on Malaysia's economic situation in the fourth quarter of 2021 and the annual performance of 2021. In addition, this edition is complemented with a box article entitled “Electricity Consumption in the COVID-19 Era”, which discussed the trends and changes in electricity consumption before and during the COVID-19 pandemic.

Commenting on the socioeconomic situation in 2021 amid continuous battle against COVID-19, the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “After multiple containment measures during the first half of 2021, implementation of the National Recovery Plan (NRP) since July has charted strategies for Malaysia to systematically and progressively reopen the economy and society. Consequently, continual recovery could be seen as more states transitioned to the better phases of the NRP from then onwards, with loosening of selected standard operating procedures as well as permission of more businesses to resume. As of December 2021, only two states remained in the third phase of the NRP while the other states were in the fourth phase.

In line with this positive development, the Gross Domestic Product (GDP) rebounded to 3.6 per cent in the fourth quarter of 2021 after a 4.5 per cent decline in the previous quarter, signalling an improved momentum in the country's economic recovery. Almost all supply sectors demonstrated favourable performance and all components of final demand surpassed the pre-pandemic level of 2019 except for Gross fixed capital formation. Further to this, Malaysia's economy grew 3.1 per cent in 2021 after a contraction of 5.6 per cent in 2020. The annual performance was backed by the strong growth in the Manufacturing sector which outperformed the pre-pandemic level.”

*In view of the external sector, he said, “Malaysia’s Current Account Balance (CAB) continued to register a surplus of RM15.2 billion from RM11.6 billion in the last quarter, driven by the high net exports of goods and the lower deficit in Secondary income. Goods account recorded an all-time increase in net exports at RM51.8 billion, surpassing the highest at RM50.9 billion in the third quarter of 2008. Investment improved with Foreign Direct Investment (FDI) in Malaysia sustained a higher net inflow of RM24.7 billion while Direct Investment Abroad (DIA) by Malaysian investors turned around to register a net outflow of RM15.0 billion as compared to a net inflow of RM4.7 billion in the third quarter of 2021. Such performance signalled a positive momentum in the country’s economic recovery supported by the revival of more social and economic activities following the NRP as well as the administering of booster doses under the National COVID-19 Immunisation Programme. The merchandise trade also maintained a positive trajectory in the fourth quarter of 2021 with total trade climbing 29.2 per cent to RM624.7 billion as against RM483.4 billion in the same quarter of 2020. At the same time, both exports and imports surged in this quarter, with exports increasing by 29.0 per cent to RM350.5 billion while imports rose 29.6 per cent to RM274.3 billion. The trade balance recorded a surplus of RM76.2 billion, an increase of 26.9 per cent against the same period last year.”*

*Looking at the sectoral performance, the Industrial Production Index turned around by 6.9 per cent year-on-year in the fourth quarter of 2021 from a negative 1.1 per cent posted in the preceding quarter. The growth was attributed to the increase in the indices of Manufacturing (9.2%) and Electricity (4.3%). Accordingly, the manufacturing sales value rose 16.5 per cent during the same period to post RM427.0 billion. Services sector also indicated better performance in the fourth quarter of 2021 with the revenue rising by 5.3 per cent to record RM460.0 billion driven by wholesale & retail trade, food & beverages and accommodation segment which edged up 5.1 per cent. In addition, the Service Volume Index also recorded a rise of 3.0 per cent after a sharp fall of 7.5 per cent in the previous quarter. In terms of prices, Consumer Price Index posted an increase of 3.2 per cent in the fourth quarter of 2021 while the Producer Price Index local production remained on an upward trend posting a double-digit increase of 11.9 per cent.*

*Commenting on the labour scenario, the Chief Statistician said, “Labour market regained momentum towards recovery in the fourth quarter of 2021 as the number of employed persons rose 1.8 per cent year-on-year to 15.44 million while unemployment rate slipped 0.5 percentage points to record the lowest quarterly rate of 4.3 per cent since the onset of the pandemic. From the perspective of labour demand, the number of jobs in the economic sector posted an increase for the first time after declining for six consecutive quarters, recording 8.531 million jobs in the fourth quarter of 2021.”*

*Concluding his statement, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The country’s economic revival was aided by the expansion in global demand, recovery in the labour market, COVID-19 vaccination progress and continuous policy support. Accordingly, Malaysia is*

*gearing up for the full reopening of the international borders in March 2022, which will give much-needed impetus for tourism-related activities. Moreover, the Leading Index (LI) ascended to 2.1 per cent in December 2021 from 1.6 per cent in November 2021 while the level continued to beat 100.0 points to reach 111.5 points. Overall, this signalled a better economic outlook in the upcoming months. Thus, the government's focus will be directed towards two main thrusts to support the momentum of economic growth, namely creating jobs and helping entrepreneurs to grow. All things considered, Malaysia is optimistic that the economy will remain on a recovery path in 2022."*

*The Department of Statistics Malaysia is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1<sup>st</sup> January to 31<sup>st</sup> December 2022. The Department greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM officers and making the survey a success. Please visit [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) for more information.*

*Released by:*

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA  
25<sup>th</sup> FEBRUARY 2022**